

قَتِيقَن تَيْتَه

PETIKAN TITAH

"KITA sudah belajar daripada sejarah dan juga daripada kejadian-kejadian semasa betapa kemewahan dan kemakmuran sahaja tidaklah dapat memberikan kebahagiaan tanpa keamanan itu."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-49 Tahun pada 18 Julai 1995.



قَلْبِي فِي مِلَّةِ Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيسْئَا اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 216.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.48

SUBUH

4.58

SYURUK

6.16

DUHA

6.38

ZUHUR

12.23

ASAR

3.28

MAGHRIB

6.28

ISYAK

7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 43

9 APRIL 2018 / 1439 رجب 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Brunei DPMM FC tumpaskan Home United FC



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Kemenangan pada perlawanan awal pasukan Brunei DPMM FC dalam Liga Perdana Singapura 2018 pertama kali beraksi pada edisi kali ini, diharap menjadi suatu petanda baik demi untuk mengulangi kejuaraan yang diciptanya pada tahun 2015 lalu.

Beraksi di gelanggang sendiri, Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas menjadi saksi pasukan Brunei DPMM FC menumpaskan pendahulu liga setakat ini, Home United FC dengan jaringan 4 - 2.

Berangkat memberikan sokongan padu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC menentang Home United FC dalam Liga Perdana Singapura 2018. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 5

NAWAITU perlu kuat dalam mencapai kesempurnaan hidup



Muka 8

ABDUL Hamid dan Mohammad Faiq menangi Pertandingan Fotografi BDF 2017

Tangani NCD lebih efektif, bersepadu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh diperoleh melalui empat buah hospital di setiap daerah; 14 buah Pusat Kesihatan, tiga Klinik Kesihatan, 17 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, tiga buah Klinik Perkhidmatan Bergerak dan dua buah Klinik Perkhidmatan Udara yang jelas menunjukkan usaha kerajaan untuk mendekatkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada

rakyat dan penduduk di negara ini.

Statistik kehadiran pesakit menunjukkan jumlah keseluruhan pesakit yang hadir ke Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi pada tiga tahun kebelakangan adalah menurun di antara 350,000 - 40,000 pesakit setahun.

Statistik tersebut menunjukkan terdapat sedikit penurunan dari segi kehadiran pesakit yang mana antaranya disebabkan oleh pengenalan dasar Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) pada tahun 2016 serta pengenalan Sistem Perjanjian di Pusat-pusat

Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menekankan perkara itu semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, jelasnya, jumlah pesakit yang menghadirkan diri bagi Klinik Penyakit Kronik, iaitu mereka yang mempunyai Kes-kes Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti Kencing Manis, Darah Tinggi dan kadar kolesterol berlebihan telah meningkat dari lebih 69 ribu kehadiran pada tahun 2015 kepada hampir 77 ribu pada tahun 2017.

Ke muka 4

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelita.brunei.gov.bn

Wujudkan rasa kebersamaan, setia kawan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kita dipertemukan di majlis yang begitu indah, Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia Sempena Cuti Penggal Persekolahan di Masjid Lambak pada malam ini.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada bis adik. Saya amat berbangga, kerana biskita adalah contoh kepada kawan-kawan adik yang lain kerana mahu mengisi cuti sekolah dengan mengejar ilmu. Penyertaan bis adik ini menunjukkan biskita adalah belia-belua yang sentiasa mengingati Allah; yang memuliakan masjid; berdisiplin dan berbudi baik. Di sini, saya juga ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada *indung-indung* serta penjaga di atas dukungan dan sokongan yang berterusan yang diberikan kepada anak-anak biskita dalam menyertai Program Perkhemahan Belia anjuran Masjid Lambak Berakas ini yang bertemakan 'Sentiasa Bersama Di Masjid'.

Seperti yang kita sama-sama maklumi, agama Islam membimbing umatnya untuk sentiasa menuntut ilmu yang bermanfaat. Kita ingat kepada hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanh, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, *"Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap orang Islam."* Alhamdulillah, dengan aktiviti-aktiviti pendidikan yang berdasarkan agama dan berpandukan Melayu Islam Beraja dalam program yang mulia ini, biskita telah memuliakan rumah Allah ini sebagai sumber untuk memperoleh ilmu keagamaan dan kemasyarakatan.

Dalam masa yang sama, agama Islam juga mengajar umatnya untuk menguatkan silaturahim antara kita semua. Alhamdulillah, dengan program ini juga, abis adik pun telah bertemu dengan kawan-kawan baharu dengan bersembayang secara berjemaah dalam setiap waktu; melakukan ibadat seperti bacaan Surah Yaa Siin bersama-sama, mahupun dengan mengikuti aktiviti lain bersama-sama.

Sepertimana yang dikongsikan oleh adik wakil peserta program tadi, adik-adik telah mengalami perasaan susah dan senang. Saya bergembira adik-adik tahu erti susah dan senang. Semasa di luar, berpengalaman seperti askar pun ada. Biskita tahu perasaan susah dan senang.

Dengan akhirnya program ini, saya menasihatkan bis adik untuk sentiasa memegang kepada apa jua yang diambil



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia Sempena Cuti Penggal Persekolahan pada Ahad, 7 Rejab 1439 Hijrah bersamaan 25 Mac 2018 Masihi di Masjid Lambak, Berakas.

daripadanya ke arah mewujudkan rasa kebersamaan dan setia kawan iaitu dalam sama-sama menjaga kedaulatan negara serta ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan raja kita. Oleh itu, jadikanlah apa yang bis adik pelajari sebagai kebiasaan dari hari ini dengan niat yang betul. InsyaaAllah, program ini adalah detik awal ke arah memantapkan kesejahteraan masyarakat dan negara yang mana akan mempersiapkan adik-adik sebagai generasi berwawasan generasi belia

cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Lambak dan anggota-anggota, pejabat-pejabat, sektor perniagaan serta individu yang sama-sama berganding bahu, dan mengorbankan masa, tenaga dan kewangan dalam persiapan dan pelaksanaan program yang mulia ini. Setentunya, program ini tidak akan berjaya tanpa sumbangan biskita yang sangat bernilai ini. Kita mendoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran di atas usaha murni biskita.

Dalam mengakhiri ucapan ini, tahniah diucapkan kepada bis adik-adik, dan sentiasalah mengamalkan apa yang telah dipelajari, dan teruslah mengejar ilmu yang bermanfaat. Seperti hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, *"Jika kita ingin berjaya di dunia hendaklah berilmu, bila kita ingin berjaya di akhirat hendaklah berilmu, dan jika kita ingin berjaya di dunia dan akhirat, hendaklah berilmu."*

InsyaaAllah, sebagai harapan masa depan negara yang mengikut acuan Brunei dan berpandukan Melayu Islam Beraja, kita mendoakan agar bis adik akan terus berjaya, dan akan menyumbang kepada agama, raja dan negara dengan niat yang ikhlas dan ketakwaan yang tulen sebagai modal insan yang cemerlang.

Kepada adik-adik ada yang mahu jadi mufti, peguam dan askar. Bangga rasanya ada yang mahu jadi mufti, peguam dan askar dan juga ahli sains. Apa yang dalam hati mesti dikuatkan, iaitu dari segi duniawi dan ukhrawi, insyaaAllah dengan kekuatan kerohanian, Allah akan memberikan kekuatan. Sentiasa doakanlah untuk indung-indung adik-adik di belakang. Tahniah kepada adik-adik, tahniah kepada pengurus.

Sekian. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

"SEPERTI yang kita sama-sama maklumi, agama Islam membimbing umatnya untuk sentiasa menuntut ilmu yang bermanfaat. Kita ingat kepada hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanh, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, "Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap orang Islam." Alhamdulillah, dengan aktiviti-aktiviti pendidikan yang berdasarkan agama dan berpandukan Melayu Islam Beraja dalam program yang mulia ini, biskita telah memuliakan rumah Allah ini sebagai sumber untuk memperoleh ilmu keagamaan dan kemasyarakatan."

Dari Sidang
Pengarang.

9 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 22

TANGANI BEBAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

DENGAN kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan, prasarana dan perkhidmatan khususnya perkhidmatan penjagaan kesihatan yang merupakan satu pelaburan yang amat penting dan tidak ternilai bagi menjaga kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara ke arah yang lebih produktif dan berdaya tahan.

Namun yang demikian, negara tidak ketinggalan menghadapi cabaran-cabaran yang serupa dengan negara-negara lain dalam aspek pemberian perkhidmatan kesihatan tersebut. Di samping itu, sistem penjagaan kesihatan pada Abad Ke-21 juga turut menghadapi pelbagai cabaran besar khususnya pada era globalisasi yang mana cabaran-cabarannya adalah semakin kompleks dan berubah-ubah.

Perkara tersebut antara lain dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, beban penyakit-penyakit tidak berjangkit yang semakin bertambah di Negara Brunei Darussalam adalah perlu ditangani dengan lebih efektif dan bersepadu.

Jumlah pesakit yang menghadirkan diri bagi Klinik Penyakit Kronik, iaitu mereka yang mempunyai kes-kes penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi dan kadar kolesterol berlebihan telah meningkat dari lebih 69 ribu kehadiran pada tahun 2015 kepada hampir 77 ribu pada tahun 2017.

Bagaimanapun statistik kehadiran pesakit menunjukkan jumlah keseluruhan pesakit yang hadir ke Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi pada tiga tahun kebelakangan adalah menurun di antara 350,000 - 40,000 pesakit dalam setahun. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh pengenalan dasar Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) pada tahun 2016 serta pengenalan Sistem Perjanjian di Pusat-Pusat Kesihatan.

Menyentuh mengenai statistik kehadiran pesakit bagi Jabatan Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sejak tiga tahun kebelakangan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan bahawa di antara 71 peratus ke 78 peratus jumlah kehadiran pesakit terdiri daripada kes-kes penyakit ringan.

Jelas Yang Berhormat, selain dari beban Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit atau Non-Communicable Diseases (NCDs) yang semakin meningkat, penyakit-penyakit berjangkit yang baharu, bahkan juga kemunculan semula penyakit-penyakit berjangkit yang lama, turut sama mengancam kestabilan perkhidmatan kesihatan sesebuah negara.

Selain itu, perkembangan pesat teknologi perubatan dan kesihatan serta bertambahnya penduduk yang berpendidikan dan bermaklumat turut memberikan cabaran tambahan.

Di samping itu, kepelbagaian cabaran memerlukan untuk membuat pendekatan-pendekatan baharu yang lebih efisien, proaktif, aktif dan berdaya tahan untuk mengatasinya, dan juga sebagai persediaan dalam menghadapi apa jua keadaan.

Oleh itu, semua pihak memainkan peranan penting dalam sama-sama bekerjasama dan memberikan sokongan padu, melibatkan diri secara aktif dan sama-sama mempromosikan kesihatan terutama sekali dalam mengamalkan cara hidup sihat, dan menghargai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada, serta menggunakannya dengan betul. - Ketua Penyuntingan (Rd).

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallaahu Bissawab | Talian Cuaca | Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam | **114** | Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	22	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	SELASA	23	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	RABU	24	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28	7.37
12	KHAMIS	25	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
13	JUMAAT	26	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	SABTU	27	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
15	AHAD	28	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998** | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | **123** | **NDMC 2380214**

Brunei DPMM FC tumpaskan Home United FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menerima junjung ziarah ketika berangkat menyaksikan perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC menentang Home United FC dalam Liga Perdana Singapura 2018 (kiri). Juga berangkat, paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim (kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
 Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Dari muka 1

Kekecewaan kekalahan semasa menentang Sabah FA baru-baru ini, pasukan Brunei DPMM FC mula bangkit apabila berjaya membolos gawang lawan menerusi pemain import dari Ukraine, Volodymyr Pryiomov pada minit ke-13.

Gol pertama tersebut seterusnya menjadi suntikan semangat kepada pemain pasukan Brunei DPMM FC, selang dua minit kemudian, sumbatan satu gol lagi berjaya dihasilkan apabila Abdul Aziz Tamit memanfaatkan peluang yang diberi hasil daripada lontaran sepakan sudut dan jaringan itu kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Babak kedua perlawanan dimulakan begitu baik apabila tendangan percuma dari Volodymyr sekali lagi mencapai sasaran gol pada minit 54, berikutan pemain import dari Iran, Mojtaba Mollasaraei sengaja dijatuhkan oleh pemain pasukan pelawat itu.

Brunei DPMM FC terus menyumbatkan gol keempatnya melalui sepakan Mojtaba Mollasaraei pada minit ke-71, namun demikian Home United FC akhirnya berjaya menyumbat satu gol tunggal mereka tiga minit selepas itu.

Pada masa genting akhir perlawanan, Shahril Ishak berjaya menyumbat gol kedua bagi Home United FC.

Perlawanan Brunei DPMM FC seterusnya akan menentang Albirex Niigata (S) di laman lawan pada Sabtu, 14 April.

SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC (jersey hitam) menentang pasukan Home United FC (jersey merah) dalam Liga Perdana Singapura 2018 yang berlangsung Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kanan dan bawah).



Tangani NCD lebih efektif, bersepadu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Dari muka 1

"Ini jelas sekali menunjukkan beban Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang semakin bertambah di Negara Brunei Darussalam, yang perlu ditangani dengan lebih efektif dan bersepadu," ujarnya.

Selain dari beban Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit atau *Non-Communicable Diseases (NCDs)* yang semakin meningkat terangnya, penyakit-penyakit berjangkit yang baharu, bahkan

juga kemunculan semula penyakit-penyakit berjangkit yang lama, turut sama mengancam kestabilan perkhidmatan kesihatan sesebuah negara.

Selain itu ujarnya, perkembangan pesat teknologi perubatan dan kesihatan serta bertambahnya penduduk yang berpengetahuan dan bermaklumat turut memberikan cabaran tambahan.

Menteri Kesihatan menekankan bahawa kepelbagaian cabaran ini memerlukan kita untuk membuat

pendekatan-pendekatan baru yang lebih efisien, proaktif, aktif dan berdayatahan untuk mengatasinya, dan juga sebagai persediaan dan siapsiaga dalam menghadapi apa jua keadaan.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana yang kita sedia maklum amat menitikberatkan penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini yang mana ianya dipandang sebagai satu pelaburan yang amat penting dan tidak ternilai harganya bagi menjana kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara ke arah yang lebih produktif dan berdaya tahan," katanya lagi.

Menteri Kesihatan juga menekankan kepentingan pelaksanaan *Whole of Nation Approach* dalam penjagaan kesihatan dengan menyeru pihak-pihak yang berkepentingan, termasuklah agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pemimpin-pemimpin akar umbi dan semua individu di setiap lapisan masyarakat di negara ini untuk bekerjasama dan memberikan sokongan padu, melibatkan diri secara aktif dan sama-sama mempromosikan kesihatan terutama sekali dalam mengamalkan cara hidup sihat dan menghargai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada, serta menggunakannya dengan betul.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pastikan perkhidmatan digunakan dengan betul

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Jabatan Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mencatatkan jumlah kehadiran tahunan pesakit ialah di antara 104 ribu ke 13 ribu pesakit setahun.

Fungsi utama Jabatan Kecemasan adalah untuk menangani kes-kes kecemasan dengan sesegeranya bagi mendapatkan *outcome* yang terbaik bagi setiap pesakit.

"Setiap Jabatan Kecemasan mempraktikkan penyaringan ataupun *triaging*, di mana pesakit akan melalui pemeriksaan awal, dan akan dikategorikan mengikut keutamaan, iaitu Prioriti 1, Prioriti 2 atau Prioriti 3.

Prioriti 1 adalah kes kritikal yang mesti ditangani serta merta, manakala Prioriti 3 pula adalah kes-kes penyakit ringan seperti batuk selesema, cirit birit, sakit tekak, sakit telinga, penyakit kulit yang mana kes-kes ini lazimnya boleh ditangani di Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi," jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap di Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menyentuh mengenai statistik kehadiran bagi Jabatan Kecemasan, Hospital RIPAS sejak tiga tahun kebelakangan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan bahawa di antara 71 peratus ke 78 peratus jumlah kehadiran pesakit (hampir V) adalah terdiri daripada kategori Prioriti 3 dan ini jelas menunjukkan kerja yang ada di Jabatan Kecemasan adalah tidak selari dengan tujuan utama Jabatan Kecemasan, iaitu bagi menangani kes-kes kecemasan.

Dari itu tegasnya, kita memerlukan kerjasama kesemua pihak bagi memastikan perkhidmatan - perkhidmatan yang ada disediakan digunakan dengan betul bagi memastikan

perkhidmatan dapat diberikan pada masa yang tepat untuk pesakit yang lebih memerlukan.

"Pencapaian - pencapaian Kementerian Kesihatan yang kita saksikan pada masa kini tidak akan dapat diperolehi jika tidak dilengkapi dengan adanya penambahan serta penempatan para profesional kesihatan seperti pakar-pakar dan Pegawai Perubatan, Jururawat-Jururawat dan Profesional Kesihatan Bersekutu yang berpendidikan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi.

Ini juga merupakan salah satu aspek pelaksanaan liputan kesihatan sejagat di negara ini, yang mana telah menyaksikan bertambahnya perkhidmatan-perkhidmatan dan kepakaran-kepakaran yang boleh didapati di dalam negeri dan berkurangnya keperluan bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk dihantar bagi rawatan selanjutnya ke luar negara," jelasnya lagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru kepada semua warga Kementerian Kesihatan untuk sama-sama berusaha menerapkan konsep *People Centred Health Care*, iaitu penjagaan yang memfokuskan dan melibatkan kehendak kesihatan atau ekspektasi masyarakat dengan lebih berkesan.

Para warga Kementerian

Kesihatan katanya hendaklah sentiasa bersifat pemedulian, beretika, bertugas secara professional serta mematuhi standard prosedur yang disediakan selain hendaklah sentiasa berazam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, bersopan santun dan yang paling penting hendaklah berkomunikasi dengan baik semasa berurusan dengan orang ramai.

InsyaaAllah ujarnya, ini akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan dan secara langsung membantu dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin demi memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan ke arah yang lebih produktif dan cemerlang.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, Negara Brunei Darussalam juga menghadapi cabaran-cabaran yang serupa dengan negara-negara lain dalam aspek pemberian perkhidmatan kesihatan.

"Kita sedia maklum bahawa sistem penjagaan kesihatan di Abad Ke-21 ini terus menghadapi pelbagai cabaran besar khususnya di era globalisasi ini yang mana cabaran-cabaran adalah semakin kompleks dan berubah-ubah," tambahnya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018.

Menyebarkan luas maklumat kepentingan penjagaan kesihatan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Hari Kesihatan Sedunia yang disambut pada 7 April setiap tahun sebagai salah satu langkah untuk menyebarkan maklumat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan selaku Pengerusi Bersama, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif antara lain berkata, Sambutan Hari Kesihatan Sedunia tahun ini diharap dapat menambah motivasi kepada rakyat dan penduduk untuk lebih menghargai kemudahan-kemudahan yang ada; serta seterusnya sebagai satu inspirasi kepada semua pihak yang berkenaan untuk sama-sama menangani cabaran-cabaran yang ada demi meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan

kesihatan di negara ini.

Tema sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 'Liputan Kesihatan Sejangat: Untuk semua, Dimana-mana'.

Objektif Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 ialah untuk berkongsi status dan cabaran-cabaran Negara Brunei Darussalam dari segi perlindungan kesihatan sejagat yang merangkumi pelbagai aspek perkhidmatan kesihatan dan skop definisi yang sangat luas.

Pada majlis itu juga, Menteri Kesihatan berpeluang menyaksikan pameran Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 yang memaparkan pencapaian kesihatan di negara ini.

Lebih 100 orang termasuk pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, pelajar-pelajar sekolah menengah, pengamal kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan hadir ke majlis tersebut.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

Nawaitu perlu kuat dalam mencapai kesempurnaan hidup

Berita dan Foto : Haji Ariffin
Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Setiap manusia itu semestinya mempunyai matlamat kehidupan di dalam mencapai kesempurnaan hidup di bumi Allah ini dan matlamat itu tidak akan tercapai tanpa adanya keazaman untuk berjaya.

Keazaman ini adalah makna daripada pengertian niat yang mempengaruhi segala tindakan-tindakan yang dilakukan, sama ada untuk mencapai kesenangan di dunia mahupun di akhirat maka niat itu memainkan peranan penting untuk menghasilkan sistem pelaksanaan yang teratur.

Perkara tersebut merupakan antara perincian yang dikongsikan pada Tazkirah Subuh bertajuk 'Kekuatan Nawaitu' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Tambah Awang Haji Sammali lagi, hala tuju ke arah kesempurnaan matlamat kehidupan itu tidak akan berjaya, tanpa adanya restu daripada Allah melalui niat yang ikhlas dan keberhasilan sesuatu bidang atau tugas yang dilakukan dengan keikhlasan akan menzahirkan rasa keterbukaan, tidak terkongkong, malah akan terus menambahbaik dalam segala tindak-tanduk yang diusahakan.

Jelas beliau, inilah bukti bahawa nawaitu kita perlu kuat untuk mencapai kesempurnaan hidup.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) semasa hadir bersama jemaah mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Kekuatan Nawaitu' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Juga hadir bersama para jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Awang Haji Mohd. Serudin bin

Haji Timbang.

Turut sama menyerikan program ini ialah Pejabat Timbalan Menteri, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Bahagian Pendakwaan Syarie dan Bahagian Penguatkuasa Ugama, KHEU.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan

di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan sebuah program dalam sama-sama

mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

Pendidikan Sultan Muhammad Al-Fateh boleh dipraktikkan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Bagi melahirkan anak-anak generasi Islam bersifat seperti Sultan Muhammad Al-Fateh, Belia Masjid Ash-Shaliheen menganjurkan forum bertajuk 'Program Pendidikan Anak : Siri 1 - Al-Fateh Parenting' bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Forum tersebut dipengerusikan oleh Ahli Belia Masjid Ash-Shaliheen, Awang Md. Danial bin Ramadan.

Manakala itu, ahli-ahli panel terdiri daripada Pensyarah Fakulti Syarie dan Undang-undang di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Abd. Aziz yang juga selaku Pengasas Bersama Tadabbur & Seerah for Kids serta Pengasas dan Ketua Eksekutif Syarikat MuBn Learning & Growth, Dr. Hajah Mona Yati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Kassim juga penceramah kelulusan Majlis

Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi.

Para ahli panel antara lain menjelaskan, tentang bagaimana cara pendidikan Sultan Muhammad Al-Fateh boleh dipraktikkan oleh ibu bapa pada masa ini untuk anak-anak mereka, iaitu dengan mendidik anak-anak supaya menerapkan dan menjadikan Al-Quran sebagai teman dari sejak mereka kecil lagi.

Forum yang diadakan buat julung-julung kali itu bertujuan untuk memahami faktor kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh agar dapat diaplikasikan dalam pendidikan anak dari sudut ilmu, akhlak dan sumbangan baginda terhadap Islam.

Selain itu, ia juga bagi menerapkan nilai-nilai pendidikan Islam dalam kalangan ibu bapa selaku pendidikan awal dalam keluarga.



AHLI-ahli panel terdiri daripada Pensyarah Fakulti Syarie dan Undang-undang di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Widad binti Abd. Aziz yang juga selaku Pengasas Bersama Tadabbur & Seerah for Kids (dua, kiri); Pengasas dan Ketua Eksekutif Syarikat MuBn Learning & Growth, Dr. Hajah Mona Yati binti Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Kassim (kiri) dan penceramah kelulusan Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi (dua, kanan).

Menteri di JPM terima kunjungan hormat



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Stephen Lindsay.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Stephen Lindsay pada 5 April lalu.

Pada kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perdana Menteri

dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam berbincang mengenai kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom termasuk dalam bidang keselamatan.

Hadir semasa perjumpaan

tersebut ialah Setiausaha Tetap di JPM, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Perjumpaan tersebut berlangsung di Pejabat Menteri di JPM, Bangunan JPM.

MKKJR anjur majlis keagamaan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

JERUDONG, Sabtu, 7 April. - Dalam usaha untuk memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam sentiasa diberikan perlindungan khusus kepada para pengguna jalan raya Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas telah diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam.

Majlis keagamaan tersebut merupakan anjuran MKKJR Negara Brunei Darussalam, yang didahului dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Zamhari bin Haji Ibrahim yang juga memimpin bacaan Ratib Al-Attas.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas sempena Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya ini merupakan antara usaha MKKJR menyelaraskan aktiviti keagamaan dalam menyahut seruan Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Di samping itu juga, acara ini merupakan usaha berterusan MKKJR untuk memohon berkat segala usaha-usaha dan perancangannya dalam meningkatkan keselamatan jalan raya demi kebajikan semua.

Di samping itu, MKKJR Negara Brunei Darussalam menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan ketika berada di jalan raya, dengan mengamalkan Doa Selamat sebelum memulakan setiap kali perjalanan, di samping sentiasa mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah dan bertimbang rasa serta mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya, demi menjaga keselamatan bersama dan mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad selaku Timbalan Pengerusi II MKKJR; Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi selaku Setiausaha MKKJR dan Pemangku Pengarah Siasatan dan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam (lima, kanan) bersama-sama menyertai Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Senior Superintendent Hussaini bin Haji Matzain.

Majlis juga turut dihadiri oleh penuntut-penuntut dan guru-guru dari Sekolah Ugama Kampung Jerudong.

MKKJR Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas yang turut dihadiri oleh penuntut-penuntut Sekolah Ugama Jerudong.



JBP adakan tahlil sempena 58 tahun penubuhan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Ajman bin Haji Meludin semasa hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Lebih 150 terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi paduka ayahanda dan paduka bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman sempena Sambutan Ulang Tahun

JBP Ke-58 Tahun, bertempat di Kubah Makam Diraja.



ANTARA yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil tersebut.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai diikuti dengan Tahlil yang dipimpin dan dibacakan oleh Pemangku Ketua Guru Ugama JBP, Awang Othman bin Awang Asat.

Majlis berkenaan adalah antara majlis keagamaan yang telah disusun dan selain dari majlis itu, JBP juga akan meneruskan beberapa lagi aktiviti keagamaan dan kebajikan Sempena Ulang Tahun JBP Ke-58 Tahun 2018.

Saudara baharu Awang Saiful bin Abdullah diraikan

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



PAUL Anthony Caspillo, 9, murid Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kampung Kiulap, berbangsa Filipina dikenali dengan nama Islamnya, Awang Saiful bin Abdullah semasa diraikan dengan Majlis Berdikir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Paul Anthony Caspillo, 9, murid Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kampung Kiulap, berbangsa Filipina yang telah memeluk agama Islam pada pertengahan Mac lalu, diraikan dengan Majlis Berdikir yang diadakan di dewan sekolah tersebut.

Paul Anthony Caspillo yang dikenali dengan nama Islamnya, Awang Saiful bin Abdullah belajar di sekolah tersebut dalam Darjah Pra.

Hadir selaku tetamu khas majlis tersebut ialah Penolong Pengarah Jabatan Pengajian Islam (Institusi Pengajian), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Umar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Awang Muswadi bin Saftu, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Amran bin Haji Majid dan seterusnya Dikir Marhaban daripada murid-murid Darjah 4, 5 dan 6 serta merenjis minyak wangi kepada saudara baharu yang diraikan.

Tetamu kehormat juga turut menyampaikan cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan.

Bagi memberkati majlis tersebut, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awang Azwan bin Alawi.

Peserta Bengkel Keusahawanan terima sijil



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii juga selaku salah seorang hakim bengkel berkenaan hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang (kiri). Manakala gambar kanan, salah seorang peserta semasa memberi penerangan pada Bengkel Keusahawanan anjuran Startup Weekend Brunei.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Bengkel Keusahawanan anjuran Startup Weekend Brunei yang diadakan selama tiga hari bertempat di Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) diakhiri dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Anugerah kepada kumpulan pemenang.

Lebih 50 peserta yang terdiri daripada golongan pengusaha belia tempatan menyertai bengkel tersebut.

Semasa bengkel tiga hari itu dijalankan, para peserta mengadakan mesyuarat untuk menyampaikan idea-idea mereka kepada mentor-mentor tempatan dan luar negara dari pelbagai industri yang akan mengongsikan kemahiran mereka dengan para

peserta.

Pada majlis itu, penyampaian anugerah kepada kumpulan pemenang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii juga selaku salah seorang hakim bengkel berkenaan.

Startup Weekend Brunei Kedua itu disertai oleh para belia dari institusi pendidikan tinggi yang berusia di antara 16 hingga 26 tahun dan merupakan bengkel usahawanan selama 54 jam dengan jangkauan global melebihi daripada 2,000 acara dan meliputi lebih dari 135 buah negara.

Bengkel dibahagikan pada lapan buah kumpulan, bertujuan untuk mewujudkan persekitaran, di mana

para peserta akan berkumpul dan mendapatkan semua pengalaman mulai dari rangkaian, kolaborasi, di samping pendedahan potensi-potensi untuk menghasilkan sesuatu yang hanya sekadar idea hinggalah ke pelaksanaan.

Ia juga mendapat sokongan dari Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) selaku Rakan Strategik; Darussalam Enterprise (DARE) selaku Rakan Ekosistem; LCB dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) selaku Penaja Platinum dan Startup Brunei selaku Penyokong Pemacu. Sementara itu, Rakan-rakan Komuniti bagi edisi kali ini ialah The Neu Company dan InTurn.

Diusahakan oleh Google untuk Usahawan dan Techstars, Startup Weekend adalah pergerakan akar umbi global para usahawan yang bersemangat dalam misi untuk memberi inspirasi, mendidik, dan

memperkasakan masyarakat untuk melancarkan idea-idea yang dapat merubah kehidupan mereka.

Ia juga merupakan komuniti usahawan terbesar di dunia, menganjurkan lebih 2,000 acara di

200 lebih negara, sejak tahun 2007.

Startup Weekend Brunei kali ini dikendalikan oleh Ashley Uy dari Startup Weekend Cebu, Republik Filipina.

Tingkatkan ilmu dalam perniagaan



DAYANG Nur Zulhijatul Aqilah binti Haji Sulaiman (kanan) dan Dayang Fikrohmah binti Ahmad Dimyati, siswazah Tahun 1 FEKIm UNISSA (kiri).



DAYANG Suziyaney binti Md. Zain, siswazah Tahun 3 Fakulti Ekonomi Kewangan Islam (FEKIm) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Hari Keusahawanan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2018 yang melibatkan mahasiswa-mahasiswi universiti tersebut, mampu menjadi platform kepada golongan belia, khususnya bagi mendalami dan meneroka bidang keusahawanan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Dayang Nur Zulhijatul Aqilah binti Haji Sulaiman dan rakannya, Dayang Fikrohmah binti Ahmad Dimyati, siswazah Tahun 1 Fakulti Ekonomi Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA ketika ditemui semasa menyertai Hari Keusahawanan UNISSA 2018, bertempat di kawasan letak kereta UNISSA, Jalan Gadong, di sini.

Menurut mereka, ini merupakan kali kedua mereka menyertai program keusahawanan ini dan berharap akan beroleh lebih banyak pengalaman melalui program anjuran FEKIm ini.

Sementara itu, Dayang Suziyaney binti Md. Zain,

siswazah Tahun 3 FEKIm, melahirkan keyakinan bahawa belia pada hari ini mempunyai pelbagai kepakaran, kemahiran, idea baharu seiring dengan teknologi pada masa kini seterusnya membolehkan mereka mengorak langkah lebih jauh.

Dayang Suziyaney turut bersetuju dengan Dekan FEKIm UNIS SA, Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa memberikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Hari Keusahawanan UNISSA 2018 baru-baru ini yang antara lain menyatakan, program ini mampu melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang kreatif dan inovatif dalam bidang perniagaan, berpandukan ajaran Islam yang luhur kerana pendedahan seperti ini merupakan satu langkah proaktif FEKIm dalam memberi keyakinan dan keberanian kepada mahasiswa-mahasiswi menceburi diri dalam bidang perniagaan sejurus menamatkan pengajian nanti.

3 kesalahan kes kompaun dikeluarkan semasa operasi dijalankan



OPERASI Sekatan Jalan Raya dijalankan di Daerah Temburong yang melibatkan kesalahan lalu lintas termasuk tidak memiliki lesen memandu.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Sabtu, 7 April. - Sebanyak tiga kes kesalahan kompaun telah dikeluarkan semasa Operasi Sekatan Jalan Raya dijalankan di Daerah Temburong yang melibatkan kesalahan lalu lintas termasuk tidak memiliki lesen memandu.

Operasi yang dijalankan oleh Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Alif Nur Khaliq

bin Haji Mat Rasil bersama 13 anggota-anggota Daerah Polis Bangar.

Operasi yang bermula jam 9.30 malam tersebut tertumpu sepenuhnya di kawasan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan, Temburong.

Objektif Operasi Sekatan Jalan Raya pada malam tersebut adalah khusus untuk pencegahan jenayah, bagi memantau dan memastikan pemandu-pemandu

yang memasuki sempadan tidak membawa bersama barang-barang tegahan ataupun barang untuk melakukan jenayah atau barang yang dipercayai dicuri, seperti barangan elektronik ataupun kenderaan. Dalam pada itu, ia adalah untuk memastikan undang-undang lalu lintas sentiasa dipatuhi bagi mengurangkan kadar kemalangan lalu lintas.

Operasi ini juga adalah usaha berterusan Daerah Polis Temburong dalam membanteras jenayah lebih-lebih lagi pada hujung minggu, yang mana pada kebiasaannya pemilik rumah meninggalkan rumah untuk pergi ke daerah lain untuk melawat ahli keluarga.

Di samping itu, rondaan pasukan polis juga giat dijalankan, terutama di kawasan rumah-rumah kosong dan kawasan perumahan yang lainnya bagi menanamkan rasa selamat penduduk-penduduk di Daerah Temburong.

Di kesempatan ini juga Pasukan Polis Diraja Brunei ingin menyarankan kepada orang ramai untuk sentiasa menjaga keselamatan harta benda masing-masing, dan sebelum meninggalkan rumah, pastikan pintu rumah dikunci dan jendela-jendela ditutup rapi serta menyalakan lampu di kawasan rumah sebab semua usaha ini boleh menghindari jenayah daripada berlaku.

Abdul Hamid dan Mohammad Faiq menangi Pertandingan Fotografi BDF 2017



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Tempat-Tempat Menarik di Negara Brunei Darussalam, Awang Mohammad Faiq bin Abdul Hamid (kiri). Sementara gambar kanan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP menyaksikan foto-foto yang dipertandingkan.

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Awang Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman dan Awang Mohammad Faiq bin Abdul Hamid berjaya memenangi Pertandingan Fotografi sempena Festival Disember Brunei (BDF 2017) bagi Kategori

BDF 2017 dan Tempat-Tempat Menarik di Negara Brunei Darussalam.

Awang Abdul Hamid dan Awang Mohammad Faiq masing-masing membawa pulang hadiah utama wang tunai BND1,000 dan sebuah kamera.

Penyampaian hadiah yang diadakan di Politeknik Brunei

itu disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali selaku tetamu kehormat.

Turut hadir Pemangku Pengarah Pelancongan, Dayang Kartini binti Haji Kabri dan Pemangku Penolong Pengarah Politeknik

Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.

Terdahulu, Pemangku Ketua Sekolah Informasi dan Teknologi Komunikasi selaku Pengerusi Bersama, Awang Mohammad Hamdani bin Mustafa dalam ucapan alu-aluannya berkata, pertandingan itu merupakan salah satu acara Brunei December Festival 2017, iaitu bulan mempromosi pelancongan yang diadakan pada Disember lalu.

Menurutnya, objektif pertandingan berkenaan adalah sebagai wadah bagi penggiat dan peminat seni fotografi untuk memperkembangkan dan mempamerkan bakat seni fotografi selain untuk memeriahkan lagi bulan pelancongan.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori BDF 2017, iaitu Awang Mohammad Abdul Haziq bin Abdul Hamid juga bagi kategori tempat-tempat menarik di negara ini, iaitu Awang Wafi bin Jamil.

Pertandingan tersebut dianjurkan Politeknik Brunei dengan kerjasama dan sokongan Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP dengan Progresif Cellular Sendirian Berhad sebagai penaja utama.

Tingkatkan kesedaran, pengetahuan mengenai ASEAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PENGETUA Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Dayang Hajah Rusidah binti Haji Talip (kiri) menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan lagi siri Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah tersebut, Dayang Hajah Rusidah binti

Haji Talip.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, para guru dan lebih 1,021 penuntut Tahun 7, 8 juga 9 sekolah berkenaan.

Taklimat mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Budaya Brunei Warisan dan Khazanah Penting Negara'. Tarikh Tutup : 11 April 2018
2. 'Bijak Menggunakan Air, Elak Pembaziran'. Tarikh Tutup : 18 April 2018
3. 'Kes Kemalangan Jalan Raya Membimbangkan'. Tarikh Tutup : 25 April 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Jerayawara bertujuan memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini kerana mereka merupakan golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa, untuk membentuk generasi pelapis.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para

penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN, iaitu 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Taklimat itu juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035, selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Pengetahuan berkenaan wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara di peringkat serantau dan menjadi pencetus semangat bagi mereka, agar menjadi lebih gigih untuk memajukan negara ini supaya Wawasan 2035 dapat

direalisasikan.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dalam kalangan penuntut, dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya para penuntut di negara ini.



رضاء دغن قضاء دان قدر الله سبحانه وتعالى

مسلمين يغ درحمتي الله،

ماريله كيت منيكنكن كنفوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن فته كيغين دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهتن دان منيكنكن سكل لاراغتن. مدهمدهن كيت منيكنكن انسان يغ برلمان دان برتقوي سرت سلامة ددنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يغ درحمتي الله،

اكام كيت منتوت اومتن اكر ميليك صفة ٢ ترفوجي دان ملارغ اومتن دري برصقة كجي باكي منجاني كيهكيان دان كحيان هيدوف ددنيا دان داخرة. امام الغزالي رحمه الله تعالى دالم كتابن الأربعين في اصول الدين تله مكاريسكن مقولوه صفة محمودة يعني ترفوجي ايت يات توبه، خوف (تاكوت كقد الله)، مغايغاتي ماني، محبة (كاسيه سايع)، زهد (منيكنكن كسناغن دنيا)، توكل، اخلاص، شكور، صبر دان رضاء. يغ دمقصودكن دغن رضاء ايت اياه منرما سسوات فركارا دغن هاتي يغ اخلاص.

شيخ عبدالقادر جيلاني بركات، ستورغ مؤمن يغ حقيقي اداله مريك يغ رضاء كقد اف يغ تله دتفكن اوله الله سبحانه وتعالى كقدان. دان كتغن الله سبحانه وتعالى ايت اداله له بايك درقد كتغن مانسي ايت سنديري. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة آية ٢١٦:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان بوله جادي كامو تيدق ميوكاي كقد سسوات قد حال اي بايك باكي كامو، دان بوله جادي كامو ميوكاي سسوات قد حال اي بوروق باكي كامو. دان الله متهوي سدغ كامو تيدق متهوي.

مسلمين يغ درحمتي الله،

رضاء دغن قضاء دان قدر الله سبحانه وتعالى ايت اياه منرما سكل يغ تله دتفكن اوله الله سبحانه وتعالى دغن فته اخلاص، توندوق دان فاته سمد سوك اتو دوكا دغن هاتي يغ تغ دان لاف سرت تيدق ميكنل اكن سكل يغ تله دتفكن اوله الله سبحانه وتعالى كاتسن. رضاء ايت بوكله برقصود ستورغ ايت تيدق براس ساكيت دغن بلاه بنجان اكن تنافي ستورغ ايت تيدق ميكنل اكن قضاء دان قدر الله سبحانه وتعالى. اينله تندا جيتنا دان محبة هميا يغ بر ٢ برلمان دان مقعديكن ديري كقد الله سبحانه وتعالى.

سسغكوهن رضاء ايت مرفواكن لميغ كطاعن كقد الله سبحانه وتعالى دان اورغ ٢ يغ رضاء ايت اداله اورغ ٢ يغ ترفيله دان اكن دبالس اوله الله سبحانه وتعالى دغن دكرتياكن شرك عدن يغ ددالمن تردافة اير سوغه يغ مغاير. صفة رضاء هان دميليكي اوله اورغ يغ برلمان دان تيدق دميليكي اوله اورغ ٢ منافق كران اورغ منافق منتغ كتغن الله سبحانه وتعالى.

جك مريك برعبادة، مك مريك ملاكوكن عبادة ايت بوكن كران الله سبحانه وتعالى، تنافي دلاكوكن هان كران ترفقسا دان برفورافورا سرت منونجوق-نونجوق، بوكن بر ٢ رضاء دان اخلاص كران الله سبحانه وتعالى.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء آية ١٤٢:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْأُمْنِينَ يَتُخَدِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَدِيعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا

كُنَالٍ يُزَاهَوْنَ النَّاسَ وَلَا يُذَكِّرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

سسغكوهن اورغ ٢ منافق ايت ماهو مقردايكن الله (دغن ميكنل يغ لاي درقد اف يغ اد دالم هاتي مريك) دان دي (الله) تنف مبالس اوسها تيقو داي مريك (دغن بالنس سيقسا داخرة). دان افيل مريك برديري انتوق منويكن سميهغ، مريك برديري دغن (فرسان) مالس دغن مقصود رياء كقد مانسي (سفاي مريك دسغا اورغ يغ برلمان)، دان مريك قول تيدق مغايغاتي الله ملايكن سديكيت سهاج.

مسلمين يغ درحمتي الله،

فرجاي كقد قضاء دان قدر اداله ساله ساتو دري روكون ليمان يغ أم. ادقون يغ دمقصودكن دغن قضاء اياه فركارا يغ ترجادي كاتسن مانسي سقرت سوك دان دوكا، كاي دان مسكن. منكل قدر ايت اياه كتغن دان كتنوان درقد الله سبحانه وتعالى أس ستيف مخلوق. برلمان دغن قضاء دان قدر ترماسوقله رضاء يعني ريلا منرما كتنوان نصيب يغ تله دتتوكن الله سبحانه وتعالى سمد بروفا نعمة اتوقون اوجين سقرت كتغن، كسوسهن، ككايان دان كسكيتن. تنافي لاي حال دغن مانسي يغ تيدق برلمان، كيهلوقن تيدق سيلمغ دان تيدق تنرام، مريك هان برشكور دكلا سغ اتو كتيك منرما نعمة تنافي اكن براس كجيو دان تيدق صبر كتيك ديري اوجين الله سبحانه وتعالى سقرت كسوسهن، منرما مصيبة اتو حاجة يغ تيدق كسمقاين اتو ساومقما سدنكن اورغ يغ برلمان تنف منرما قضاء دان قدر الله سبحانه وتعالى دغن برلافغ دادا دان ريلا هاتي. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا:

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

عَجِبْنَا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ خَيْرٌ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَخِيذٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ،

إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَرٌّ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبْرٌ،

فَكَانَ خَيْرًا لَهُ. { رواه الإمام مسلم }

مقصود:

درقد صهيبي اي بركات: سيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: بتاف عجيب اورغ ٢ يغ برلمان ايت. سسغكوهن سوا فركارا اداله بايك باكي مريك. دان تبادله كبايكن ايت كجوالي باكي مؤمن. جك مقراولي ككميران دي برترما كاسيه برارتي كبايكن باكين دان جك ديمقا كسولين دي برصر برارتي كبايكن باكين.

سسغكوهن دالم منجاني سسوات حاجة اتو جيتنا ٢ كيت قولوه اد اوسها دان اختيار. دسميغ ايت اكام كيت جوك مغايجوركن انتوق سنتياس موهون دعاء دان برتوكل اتو برسر ديري كقد الله سبحانه وتعالى. سنله ايت، كيت هندقله رضاء، سمد حاصل يغ اكن دترما بايك اتوقون سبالغن، جاغلله بركات سسوات يغ منداكن راس تيدق قولس هاتي دان تيدق رضاء جك اف يغ كيت هارفن تيدق ترجاني دان بلوم دقيلكن. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا، سباكيما حديث يغ دروايتكن اوله امام مسلم، درقد ابو هريرة رضي الله عنه اي بركات: سيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: جكالو اغكو تركنا اوله سسوات مصيبة، مك جاغلله اغكو بركات: اندي كات ساي مغرجاكن بكين، تنو اكن منجادي بكين دان بكينو. تنافي بركاته: اين اداله تقدير درقد الله سبحانه وتعالى دان اف سهاج يغ دكهندي اوغن تنو دي ملقسناكن، سب سسغكوهن اوجن اندي كات ايت ممبو كيتو كودان شيطان.

مسلمين يغ درحمتي الله،

الله سبحانه وتعالى مها متهوي اف يغ تريك انتوق هميا ٢. اوله ايت، سكل نعمة دان اوجين، سمد سوك اتوقون دوكا، سوسه اتوقون سغ، جقت اتوقون لبت، سوا ايت مقوياءي حكمه ترنديري يغ مسي دشكوري دان دريضي سرت دترما دغن هاتي يغ فته اخلاص. سسغكوهن جك كيت رضاء ترهادف قضاء دان قدر يغ تله دتتوكن اوله الله سبحانه وتعالى، مك كيت جوك مقراولي كريضان الله سبحانه وتعالى

اكن تنافي برغسياف يغ ماره دان تيدق منرما اكن كتنوان الله، مك اي اكن مقونداغ كموركان الله سبحانه وتعالى. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا، سباكيما حديث يغ دروايتكن اوله امام الترمذي، درقد انس رضي الله عنه اي بركات: سيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: بيلا الله جيتنا كقد سوات قوم، مريك داوجي. برغسياف رضاء منرما اوجين ايت، الله رضاء قول كقدان. دان برغسياف يغ ماره (تيدق رضاء)، مك الله قون مورك كقدان.

اوله ايت، ماريله كيت سام ٢ مبرسيهكن جيو دان ميكنل نية كيت دغن سنتياس رضاء دالم اف جوا كادان يغ الله سبحانه وتعالى تئوكن، جاغلله كيت ترلالو ريساو تنغ دنيا، كران ايت اداله اوروغن الله، جاغلله كيت ريساو تنغ رزقي، كران رزقي ايت اداله درقد الله، جاغلله كيت ريساو تنغ ماس دفن، كران ماس دفن ايت اداله كتغن الله اكن تنافي اف يغ مسي كيت ريساوكن اداله مندافكن كريضان الله سبحانه وتعالى. جاديله هميا ٢ الله سبحانه وتعالى يغ بر ٢ برلمان دان برتقوي، فاته دان توندوق كقد سكل قرينته دان لارغن. مدهمدهن دغن يغ دمكين كيت سنتياس مندافة كتغن جيو دان كريضان درقد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُم خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٢١٧﴾

جَزَاءُ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ يَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ

فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَوَرَّضُوا عَنْهُمْ ذَلِكَ لِمَنْ حَشَىٰ رَبَّهُ ﴿٢١٨﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة التينة آية ٧-٨}

تفسير:

سسغكوهن اورغ ٢ يغ برلمان دان مغرجاكن عمان ٢ صالح، مريك ايت اداله سبايك-بايك مخلوق. كتجارن مريك ديسي توهن اياه شرك ٢ عدن يغ مغاير دباوهن سوغه ٢ مريك ككل ددالمن سلاما-لمان. الله رضاء ترهادف مريك دان مريك قول رضاء ترهادفن يغ دمكين ايت اياه (كتجارن) باكي اورغ يغ تاكوت كقد توهن.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا بِلَاوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِجَادَةِ النَّابِينَ.

Berusaha hasilkan graduan *job creator*

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, semakin mencabar dan pasaran Sabtu, 7 April. - Dalam pekerjaan yang semakin keadaan ekonomi yang kompetitif, Fakulti Ekonomi

Pembaca Meter Air dijatuhi hukuman denda

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND10,800 (Sepuluh Ribu Lapan Ratus) terhadap seorang Pembaca Meter Air di Jabatan Perkhidmatan Air, Awang Haji Ramlan bin Haji Metali bagi dua kesalahan, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan satu kesalahan lagi di bawah Bab 35 (1)(b) Akta Perbekalan Air.

Pada 4 April 2018, Awang Haji Ramlan telah mengaku bersalah ke atas satu pertuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22). Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa Awang Haji Ramlan pada 1 Mac 2007 di alamat No. 16, Simpang 71-18-9 Kampung Bengkurong, Negara Brunei Darussalam telah menerima untuk dirinya sendiri wang berjumlah BND1,000 daripada penyewa rumah di alamat tersebut yang mempunyai tunggakan bil air sebanyak BND6,794.38 di mana tertuduh ketahui bahawa dia mempunyai urusan kerja sebagai Pembaca Meter Air yang bertanggungjawab untuk memeriksa dan mensahkan bacaan meter air untuk rumah tersebut.

Di dalam pertuduhan kedua, Awang Haji Ramlan telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan di bawah Bab 35 (1)(b) Akta Perbekalan Air, di mana hasil penyiasatan BMR mendapati bahawa pada 1 Mac 2007, di alamat yang sama, tertuduh dengan sengaja menggantikannya meter air rumah tersebut dengan meter air yang lain.

Majistret Harnita Zelda Skinner telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND10,000 bagi kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan untuk kesalahan di bawah Bab 35 (1) (b) Akta Perbekalan Air (Penggagal 121) Awang Haji Ramlan telah dikenakan denda sebanyak BND800. Jika gagal, tertuduh akan dipenjara selama 11 bulan. Pendakwa Raya telah diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Norsuzanawati binti Pengiran Haji Abas dan tertuduh diwakili oleh Peguambela, Ahmad Zakaria.

Kewangan Islam (FEKIm) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sentiasa proaktif melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu bakal graduannya, agar menjadi nadi utama dan enjin penggerak yang mampu memacu ekonomi negara ke tahap yang mapan dan berdaya tahan sekali gus membantu usaha pihak kerajaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa memberikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Hari Keusahawanan UNISSA 2018 bertempat di pintu masuk utama Auditorium UNISSA, Jalan Gadong, di sini.

Menurut beliau, FEKIm UNISSA akan sentiasa berusaha membentuk dan memupuk sikap *entrepreneurial mindset* daripada kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang mana melalui usaha seperti ini diharap akan dapat membantu mencapai hasrat kerajaan untuk menghasilkan graduan yang bukannya *job seeker* tetapi sebagai *job creator*.

"Antara inisiatif yang telah diunkayahkan oleh FEKIm ialah dengan menawarkan Kursus Entrepreneurship Project yang melibatkan kumpulan pelajar Tahun 4 FEKIm, untuk menghasilkan produk mereka sendiri dan menjalankan projek keusahawanan di lapangan selama 20 minggu, di samping turut sama terlibat dalam pelbagai ekspo jualan di peringkat kebangsaan.

Usaha yang dilakukan ini telah dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang kreatif dan inovatif dalam bidang perniagaan, berpandukan ajaran Islam yang luhur kerana pendedahan seperti ini merupakan satu langkah

proaktif FEKIm dalam memberi keyakinan dan keberanian kepada mahasiswa-mahasiswi menceburi diri dalam bidang perniagaan sejurus menamatkan pengajian mereka nanti," ujarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Hari Keusahawanan UNISSA 2018 ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Hari Keusahawanan UNISSA 2018 akan berlangsung selama dua hari bermula 7 hingga 8 April 2018 disertai oleh seramai 60 usahawan dengan menawarkan pelbagai bentuk aktiviti keusahawanan seperti jualan barangan, perkhidmatan, pameran dan permainan.

Selain daripada aktiviti jualan, FEKIm turut mengadakan beberapa aktiviti ilmiah berkaitan dengan bidang keusahawanan seperti kuliah umum kewangan Islam, sesi kongsi sama pengalaman daripada usahawan tempatan berjaya di arena perniagaan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa berucap pada Majlis Perasmian Hari Keusahawanan UNISSA 2018 yang diadakan di pintu masuk utama Auditorium UNISSA, Jalan Gadong.

serta sesi pembentangan kertas projek keusahawanan pelajar Tahun 4 FEKIm.



Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan ketika mengunjungi petak-petak jualan yang disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi UNISSA pada Hari Keusahawanan UNISSA 2018.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSEA :

Tajuk-tajuk akan datang:

- 1) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018
- 2) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018
- 3) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh tutup 28 Mei 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Pemenang minggu ini



Tajuk : 'Pantai'.

Keterangan gambar : Negara Brunei Darussalam memiliki pantai yang sangat indah dan ombak yang bagus bagi sukan luncur air terutama peluncur air asing yang terdiri dari pelancong.

Kamera : Canon EOS 750D (DSLR), ISO:100, focal length: 29mm, Aperture f/5.6, shutter speed 1/200 sec.

Nama pemenang : Shariza Rodzimah binti Silau (01-050631)

No.9, Kampung Kiudang, Jalan Mungkom, Tutong, TE1543, Negara Brunei Darussalam.



KESAN tekad bangunkan sahsiah kepimpinan belia negara

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
 Foto : Ihsan Persatuan KESAN

BERMULA dengan sebuah hasrat yang tinggi iaitu menabur bakti kepada masyarakat bagi penjaan insan mulia yang holistik, Persatuan belia ini aktif berganding bahu dengan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membangun syahsiah kepimpinan dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam. Usaha keras Persatuan Belia bukan saja mendapat pengiktirafan daripada masyarakat malah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

KESAN mula ditubuhkan pada tahun 2006 dan pengasas utama persatuan KESAN ialah Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi yang aktif dalam kebeliaan dan kesukarelawan di zaman mudanya hingga ke sekarang. Visi KESAN adalah menjana insan mulia manakala misinya ialah untuk membangun sahsiah kepimpinan dalam kalangan belia dalam Negara Brunei Darussalam. Dengan visi dan misi tersebut, Persatuan KESAN berhasrat untuk menambah baik para belia Brunei yang proaktif dalam masyarakat dan memberi kesan-kesan positif dari semasa ke semasa.

Beberapa ahli-ahli KESAN telah menerima beberapa penganugerahan dan pengiktirafan antaranya Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun 2016 dan 2017. Sebagai tambahan, KESAN juga menerima undangan-undangan rasmi khasnya dari pihak kementerian, jabatan, persatuan, institusi pengajian, masjid-masjid dan juga syarikat-syarikat.

Cabaran merupakan asam garam kehidupan dan Persatuan KESAN tidak terkecuali daripada berhadapan dengan cabaran. Salah satu cabarannya ialah menarik dan mengekalkan minat para belia untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti Persatuan KESAN dan usaha dalam menanam serta menumbuhkan sikap proaktif bagi aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan.

Dorongan utama yang terus mendorong ahli Persatuan KESAN ialah terus membuat kebaikan dan menjauhi perkara negatif dengan menyebarkan kebaikan dan keamanan



DORONGAN utama yang terus mendorong ahli Persatuan KESAN ialah terus membuat kebaikan dan menjauhi perkara negatif dengan menyebarkan kebaikan dan keamanan berterusan demi negara tercinta ini.

berterusan demi negara tercinta ini dan supaya generasi muda Brunei dapat berkembang maju dari segi prinsip dan kepimpinan diri.

Perancangan untuk negara adalah untuk berganding bahu dalam menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, juga menjayakan Wawasan Negara 2035, iaitu dengan menyediakan kegiatan-kegiatan proaktif bersama belia, melibatkan para belia dengan platform sukarelawan yang berkebajikan dan membuat kajian-kajian yang bersesuaian.

Pesanan Persatuan KESAN kepada para belia, "Jom bergiat proaktif dalam apa saja bidang kebajikan dan bidang yang dapat membawa perkara positif kepada masyarakat kitani dan perkara yang diredai Allah."

Tegas mereka, "Jangan tunggu masa, bertindak sekarang! *action makes result!* Kitani belia, masa depan negara."



KESAN akan terus menyediakan kegiatan-kegiatan proaktif bersama belia, melibatkan para belia dengan platform sukarelawan yang berkebajikan dan membuat kajian-kajian yang bersesuaian.

PESANAN Persatuan KESAN kepada para belia, "Jom bergiat proaktif dalam apa saja bidang kebajikan dan bidang yang dapat membawa perkara positif kepada masyarakat kitani dan perkara yang diredai Allah."

Lengkapkan peserta dengan pelbagai pengetahuan



PENGARAH Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali (depan, empat dari kiri) bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai Jabatan Polis Diraja Brunei yang mengikuti Program Training of Trainers (ToT) selama lima hari yang dikendalikan oleh IPA.

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Program Training of Trainers (ToT) selama lima hari yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) yang telah disampaikan khususnya kepada Pegawai-Pegawai Jabatan Polis Diraja Brunei yang bermula pada 2 April

berakhir dengan penyampaian sijil kepada para peserta.

Objektif Program ToT tersebut adalah untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan asas dan kaedah-kaedah pembelajaran, seperti menganalisa keperluan audiens pembelajaran, menyediakan *lesson*

plan, penyampaian berkesan dan penilaian keberkesanan pembelajaran.

Seramai 21 pegawai polis yang terlibat dalam menyampaikan latihan di bahagian dan unit masing-masing telah menghadiri Program ToT berkenaan.

Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta telah disampaikan oleh Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali.

Kongsi sama tingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas



PARA peserta mendengarkan taklimat kongsi sama pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas (atas dan bawah).



TEMBURONG, Sabtu, 7 April. - Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Unit Pendidikan Khas Bahagian Sekolah Ugama sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan khas kepada guru-guru pendidikan khas ugama.

Dengan adanya kongsi sama pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas berkenaan, dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan dapat memberikan penambahan ilmu kepada peserta yang terlibat.

Kongsi sama telah diadakan pada dua sesi (sesi pagi dan petang), iaitu di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bermula jam 9.30 pagi dan di Sekolah Ugama Puni dan Sekolah Ugama Bokok pada jam 1.30 petang.

Taklimat pengajaran dan pengalaman mengajar murid mempunyai masalah penglihatan disampaikan oleh Awang Zainudin bin Haji Salleh. Sementara taklimat pengajaran murid autisme disampaikan oleh Awang Mohd. Helmi bin Mahari dan taklimat kongsi sama dan tunjuk cara pengajaran dan pembelajaran bagi murid berkeperluan khas disampaikan oleh Dayang Nurul Iman binti Haji Mohd. Zain.

Seramai 42 guru Pendidikan Khas Ugama Kawasan dan Daerah

Menjaga kebersihan amalan mulia

Berita dan Foto : Aimi Sani

TANAH JAMBU, Ahad, 8 April. - Amalan bergotong-royong dan menjaga kebersihan merupakan amalan mulia yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya di dalam menjaga kebersihan rumah Allah tempat mengerjakan ibadat.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu telah mengadakan Kempen Bergotong-Royong membersihkan masjid dan kawasan sekitarnya dengan kerjasama penduduk kampung setempat.

Kempen Bergotong-Royong itu merupakan salah satu aktiviti sempena Israk Mikraj, di samping mengeratkan lagi ikatan ukhuwah menerusi aktiviti kempen kemasyarakatan yang berkebajikan.

Hadir menyertai kempen tersebut, ialah Ketua Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Awang Saifullah bin Rosli.

Sementara itu, Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin selaku Pengerusi majlis tersebut ketika ditemui berkata, antara objektif aktiviti ini ialah sebagai salah satu aktiviti pengisian, sempena memperingati peristiwa Israk Mikraj selain memakmurkan masjid, di samping memberikan keselesaan beribadah dengan kebersihan masjid, keindahannya serta kesuciannya.

Turut menyertai kempen tersebut ialah warga kampung yang terdiri daripada penduduk Kampung Tanah Jambu serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu.

Kerja-kerja pembersihan yang dilakukan antaranya membersihkan dewan sembahyang, bilik-bilik, dewan makan, mengecat garisan tempat letak kereta dan juga memotong pohon-pohon kayu yang membahayakan di kawasan masjid berkenaan.



KEMPEN Bergotong-Royong membersihkan Masjid Kampung Tanah Jambu dan kawasan sekitarnya oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dengan kerjasama penduduk kampung merupakan salah satu aktiviti sempena Israk Mikraj.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

terlibat dalam kongsi sama berkenaan.

Adapun tujuan kongsi sama diadakan ialah untuk meningkatkan profesionalisme guru pendidikan khas ugama dalam kemahiran-kemahiran pedagogi yang boleh diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah ugama.

Di samping itu, untuk mendapatkan idea dan kemahiran yang telah dilaksanakan oleh guru pendidikan khas di Daerah Temburong agar kemahiran tersebut dapat diguna pakai oleh para peserta; dan juga meningkatkan motivasi dan semangat kepada guru pendidikan khas ugama agar berani tampil ke hadapan.



TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UBD, Profesor Madya Dr. Ayub Sadiq semasa hadir bagi menyempurnakan perasmian Simposium Tahunan Tadbir Urus Islam (Islamic Governance Symposium) Keempat.



PROFESOR Adjunct, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dari Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, UBD semasa membentangkan kertas kerja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Simposium Tahunan Tadbir Urus Islam (Islamic Governance Symposium) Keempat anjuran Institut Kajian Dasar (IPS) Universiti Brunei Darussalam (UBD), antara lain mengongsikan beberapa langkah dan cadangan yang boleh diambil tindakan untuk memanfaatkan tadbir urus Islam sebagai sistem penting untuk pengurusan konflik yang berkesan.

Simposium tersebut merupakan lanjutan daripada siri simposium yang telah diadakan sebelum ini, yang membincangkan ciri-ciri sistem tadbir urus Islam, objektifnya, peranan dan tanggungjawab individu dan kumpulan dalam rangka kerja tersebut.

Simposium tahun ini membawa tema 'Konflik Tadbir Urus (The Governance of Conflict)

menggariskan terhadap konflik-konflik yang mungkin tidak dapat dielakkan yang timbul pada pelbagai peringkat sosial, politik, dan ekonomi.

Dalam usaha umat Islam mewujudkan suasana yang kondusif untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sudut pandang yang berbeza, pemahaman dan pendapat masih boleh timbul, yang membawa kepada pelbagai konflik.

Perasmian simposium tersebut disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UBD, Profesor Madya Dr. Ayub Sadiq yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor UBD, di sini.

Sebanyak tujuh kertas kerja dibentangkan oleh penceramah dalam dan luar negara, antaranya 'Temporal Fractures in Islamic Governance in Brunei Darussalam' oleh Profesor Adjunct Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dari Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, UBD; 'Silk and Steel, Sultanah Safiatuddin Syah of Aceh dar al-Salam' oleh Timbalan Profesor, Jabatan Pengajian Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura, Dr. Sher

Banu Khan, 'Qur'anic Ethical Parameters in Juristic Differences' oleh Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Widad Abdul Aziz dan 'Wise Agents & Organisational Moral Learning' oleh Calon Ph.D, Jabatan Kepimpinan dan Pengurusan, University of Lancaster, Iznar Tarip.

Pembentangan kertas kerja akan berkisar mengenai cara-cara mengenal pasti faktor-faktor yang boleh menimbulkan konflik, tahap berbeza manifestasi konflik (dari individu, organisasi, dan negeri); cara di mana konflik boleh dijangka dan dikurangkan; serta strategi untuk menangani konflik - dari perspektif sejarah, dan satu kontemporari.

Pengarah Institut Kajian Dasar (IPS), UBD, Dr. Mahani binti Haji Hamdan semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menjelaskan, Program Tadbir Urus IPS adalah satu inisiatif strategik yang kritikal, untuk menyelaraskan kemahiran dan fikiran para graduan dengan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan sebuah Negara Zikir yang berasaskan konsep Melayu Islam Beraja.

IPS tambahannya, berusaha secara aktif menyokong dan membantu mencapai matlamat Kebawah DYMM melalui perbincangan intelektual yang mantap, khususnya dalam bidang dasar awam, tadbir urus Islam adalah salah satu perkara kritikal bagi merealisasikan komponen Islam dalam falsafah kebangsaan kita.

Konsep tadbir urus Islam jelasnya, menawarkan sistem yang padu dan holistik untuk mengurangkan ketidaksesuaian antara aspirasi negara, penggubalan dasar dan pelaksanaannya.

Simposium dihadiri lebih 200 peserta mewakili pengurusan kanan dan ahli akademik UBD, pensyarah, mahasiswa / mahasiswi, pegawai-pegawai kerajaan, anggota sektor swasta, dan individu dari pelbagai latar belakang.

Halaqah Bimbingan Da'ie menyelaraskan, menyeragamkan isi ceramah

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Halaqah Bimbingan Da'ie bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan isi-isi ceramah selaras dengan tema Kebangsaan sempena Sambutan Israk Mikraj Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi, iaitu 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah'.

Di samping itu, ia juga untuk menjadikan medium dakwah bagi para da'ie untuk tampil bersama-sama bagi percambahan fikiran dan bertukar-tukar pandangan menurut perspektif Islam dalam halaqah tersebut.

Halaqah Bimbingan Da'ie Ke-50 Sempena Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1439H / 2018M diadakan di Bilik Mau'izzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Halaqah Bimbingan Da'ie bagi Da'ie-Da'ie PDI dan Da'ie-Da'ie yang aktif memberi ceramah, kuliah serta kursus di Negara Brunei Darussalam merupakan Rancangan Tahunan Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI.

Tenaga fasilitator yang terlibat di sepanjang halaqah itu ialah Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Harapandi Dahri.

Halaqah Bimbingan Da'ie Ke-50 diungkuhkan oleh Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI.



HALAQAH Bimbingan Da'ie Ke-50 sempena Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1439H / 2018M diadakan di Bilik Mau'izzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis Doa Kesyukuran sempena genap setahun Masjid PAHMA



PARA jemaah Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam Kampung Sengkarai semasa menunaikan Sembahyang Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid PAHMA, Awang Haji Muhammad Khairul Azmi bin Haji Bakar.

Oleh: Nooradini Haji Abas
Foto: Hamzah Mohidin

TUTONG, Sabtu, 7 April. - Sempena genap setahun penubuhannya, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (PAHMA) Kampung Sengkarai mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penghulu

juga selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong, Awang Haji Momin bin Haji Abdul Razak.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran yang diimamkan dan dipimpin oleh Ketua Imam Masjid PAHMA,

Awang Haji Muhammad Khairul Azmi bin Haji Bakar.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid PAHMA, Awang Haji Muhammad Khairul Azmi.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 Rejab 1438H bersamaan dengan 7 April 2017M yang lalu.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 28/03/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 07 APRIL 2018

TARIKH TUTUP: 21 APRIL 2018

1. PEGAWAI EKONOMI B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: TIGA (03)	2. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN: LIMA (05)	3. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II PUSAT KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN: SATU (01)
4. PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN: DUA (02)	5. PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN: SATU (01)	6. PEMBANTU TERNAKAN KANAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN: DUA (02)
7. PENOLONG PEGAWAI PENYEMAK TINGKAT II C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN: SATU (01)	8. PENGENDALI MESIN PEMBUAT PLET TINGKAT II D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: SATU (01)	9. PEMERIKSA TANAH D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN: EMPAT (04)
10. PEMBANTU PENYELIDIK D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN KEKOSONGAN: SATU (01)	11. PEMBANTU PROSES D.1-2 EB.3 BAHAGIAN IV JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: SATU (01)	12. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III E.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN: SATU (01)
13. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: SATU (01)	14. JURUTERA B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN: SATU (01)	

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**JUALAN SECARA TAWARAN AWAM
BAGI 2 SET - PERALATAN / PERKAKAS
PERABOT, JABATAN BELIA DAN SUKAN,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN.**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa JUALAN SECARA TAWARAN AWAM bagi peralatan / perkakas yang telah rosak dan terpakai adalah seperti berikut :

LOT 1

**SENARAI KETERANGAN
PERALATAN / PERKAKAS :
WOODEN SOFA 7 SEATER
WITH COFFEE TABLE**

**JUMLAH PERALATAN :
2 SET**

**LOKASI / TEMPAT MELIHAT :
KOMPLEK SUKAN MUMONG.**

Syarat-syarat Tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **9 April 2018 (Isnin)** bertempat di :

**Unit Hasil Tingkat 4
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

3. Borang Tawaran dijual (Lot 1) dengan harga **BND5.00 (wang tidak akan dikembalikan)**. Sila bawa bersama kad pengenalan asal sewaktu pembelian borang tawaran.

4. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah melihat barang-barang berkenaan **bermula pada 9 April 2018 (Isnin)** hingga **18 April 2018 (Rabu)** semasa waktu pejabat dan bertempat seperti berikut :

**Lot 1 - Komplek Sukan Mumong, Kb.
(Awang Matali bin Sulong / +673 8181494).**

5. Borang-borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Belia dan Sukan
Peti Tawaran Tingkat 4
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **18 April 2018 (Rabu), jam 2.00 Petang**.

7. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh pihak urusetia dan dikehendaki untuk membayar secara wang tunai dalam masa 24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya gagal menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan kemudian secara rasmi (persuratan), e-mel atau dikirimkan pesanan ringkas melalui *SMS / WhatsApp*. Untuk makluman lanjut bolehlah menghubungi, Unit Pusat Stor, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, atau melalui talian telefon : +673 2380858 / Faksimile : +673 2380858.

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Belia dan Sukan.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian akan dibatalkan (wang tidak akan dikembalikan).

11. Kelewatan memindah peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan dipertanggungjawabkan oleh pihak jabatan.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

**TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / RC / 66 (8)
DISINFESTATION OF ROYAL
BRUNEI NAVY VESSELS AND
SHIP SHEDS - THREE (3)
YEARS CONTRACT**

**TENDER FEE :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 8 Mei 2018**. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison **semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Rabu)** bermula pada **9 April 2018**.
b. Bayaran yuran tawaran (*tender*

fee) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :
Isnin dan Rabu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA KEMENTERIAN KESIHATAN

DENGAN hormat sukacita memaklumkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan mengadakan **JUALAN SECARA TAWARAN AWAM KEPADA ORANG RAMAI** bagi :

[1] 17 UNIT PERALATAN / PERKAKAS HOSPITAL DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KARDIOLOGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN		TARIKH TERAKHIR MEMBUKAKAN BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT	
16.04.2018 (HARI ISNIN)	16.04.2018 HINGGA 19.04.2018 PAGI : 8.30 HINGGA 11.30 PETANG : 2.00 HINGGA 4.00	21.04.2018 / PADA ATAU SEBELUM 9.00 PAGI (HARI SABTU)

LOT	KETERANGAN	BANYAK	TEMPAT
1	JENTERA PENGHAWA DINGIN (CARRIER)	2 SETS	BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI
2	JENTERA PENGHAWA DINGIN (CHILLER, AHU DAN CHILLER WATER PUMP) - CARRIER	1 SET	
3	AIR COOLED CHILLER (MCQUAY)	1 SET	
4	CHILLER (YORK)	1 SET	
	AHU (YORK)	1 SET	
5	AIR COOLED CHILLER (CARRIER)	1 SET	
	CHILLER WATER PUMP (MONOFLO)	2 SETS	
	PUMP HAWA DINGIN (MONOFLO)	4 NOS	
6	CHILLER (MCQUAY)	3 SETS	
7	CENTRIFUGAL CHILLER (CARRIER)	1 SET	
	DX UNIT (TRANE)	2 SETS	
	COOLING TOWER (LINER)	1 SET	
8	AIR COOLED CHILLER (YORK)	1 SET	BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI
9	PENGHAWA DINGIN JENIS SPLIT (BERMACAM-MACAM JENIS)	167 UNITS	

LOT	KEBENARAN	RUJUKAN	TARIKH
1 HINGGA 9	Kementerian Kewangan	KKW/ADM/KEM/11	20.03.2018


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK
MEMBERI TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 009 / 2018
Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF 300MM2 / 3C XLPE / LS H.T CABLE

Tarikh Tutup :
30 APRIL 2018
(ISNIN, 2.00 PETANG)

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
PENGURUS
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
PETI TAWARAN, TINGKAT 1
BANGUNAN KEMENTERIAN

**KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
JALAN KEBANGSAAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Kelavakan :
PEMBEKAL YANG BERDAFTAR
DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAGI KATEGORI : PO5

KELAS : I, II, III, IV ATAU V

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian :
Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
JAPEM / T / 2018 /
PUSAT BAHAGIA / 01

TAJUK TAWARAN :
**PEMBEKALAN BAGI
RANCANGAN PERMAKAMAN
PUSAT BAHAGIA, PULAI
(BARANG MENTAH)
BAGI TEMPOH 2 TAHUN**

1. TAWARAN dibuka pada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Unit Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Penolong Pegawai Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam**.

5. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide-tender*).

6. Pembayaran boleh dibuat di **Unit Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan** bermula **8.00 Pagi** sehingga **11.00 Pagi** dan **2.00 Petang** sehingga **3.30 Petang** pada setiap waktu bekerja kecuali Sabtu (hanya sehingga **11.30 Pagi**).

7. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian**

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

8. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran (*Peti berwarna BIRU)** yang disediakan di :

**Tingkat 1,
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat Selasa, 17 April 2018
jam 2.00 Petang.**

9. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

10. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen tawaran adalah pada **Khamis, 12 April 2018, jam 11.00 Pagi**.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 5).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN / 4 (39 / 1997).



**RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

(1)
**TENDER NO. :
RTB / K / 01 / 18 - 19
CLEANING OF RADIO TELEVISION
BRUNEI HEADQUARTERS,
BANDAR SERI BEGAWAN FOR
PERIOD OF 2 YEARS**

**Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :
18 April 2018**

SEBUT HARGA hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan. Seperti berikut :

**Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.
Rujukan :
RTB / K / 01 / 18 - 19**

**Tarikh Tutup :
18 April 2018**

(2)
**TENDER NO. :
RTB / K / 03 / 18 - 19
CLEANING OF RADIO TELEVISION
BRUNEI TEMBURONG STUDIO,
FOR PERIOD OF 2 YEARS**

**Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :
18 April 2018**

SEBUT HARGA hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan. Seperti berikut :

Kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam
Rujukan :
RTB / K / 01 / 18 - 19**

**Tarikh Tutup :
18 April 2018**

1. Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berafah di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak Jabatan.

4. Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui faksimile +673 2226773 atau e-mel ke *sebuthargartb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 18 April 2018, jam 2.00 Petang**.

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.

8. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai ataupun Cek tempatan (*Payee : Government of Brunei*).

Mana-mana penender yang berhajat untuk menyertai tawaran ini, disaran untuk merujuk syarat dan maklumat penuh di tempat mengambil dokumen sebut harga seperti yang dinyatakan di atas.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk : **'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION OF REMOTE MICROPHONES & AMPLIFIER FOR PUBLIC ADDRESS SYSTEM AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION'**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**'THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION OF REMOTE
MICROPHONES & AMPLIFIER
FOR PUBLIC ADDRESS SYSTEM
AT BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT, DEPARTMENT OF
CIVIL AVIATION'**

Bilangan Sebut Harga :
ATELS / 2018 / SH- 04

Tarikh tutup :
18 APRIL 2018 (Rabu)

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat**

**Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 18 April 2018**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan)**.

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei :

**Telefon : +673 2330142
sambungan 1221 / 1040
Faksimile : +673 2333666**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang <http://www.mincom.gov.bn/dca>



**JABATAN
PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**

**JEMPUTAN UNTUK
MEMBERI TAWARAN**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 008 / 2018
Tajuk Tawaran :
**SUPPLY AND DELIVERY OF
185MM2/3C XLPE/LS H.T CABLE**

**Tarikh Tutup :
23 APRIL 2018 (ISNIN, 2.00 PETANG)**

**Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tempat Tutup :
PENGURUSI LEMBAGA
TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
PETI TAWARAN, TINGKAT 1
BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
JALAN KEBANGSAAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan : PEMBEKAL YANG
BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN BAGI
KATEGORI : P05
KELAS : I, II, III, IV ATAU V**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di **Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri**.

Perhatian :
Sila bawa salinan sijil pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN ALAM
SEKITAR TAMAN DAN
REKREASI**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KELAS II & III
KATEGORI KPB12**

**Tarikh buka tawaran pada :
4 April 2018 (Rabu)**

**Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
17 April 2018 (Rabu)**

**Tarikh tutup pada :
24 April 2018 (Selasa)
sebelum jam 2.00 Petang.
(ditutup di**

**Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam).**

JASTRE / BTR / T005 / 2018

**PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN
PENYELENGARAAN KEMUDAHAN
DI TAMAN REKREASI PANTAI
LUMUT, BELAIT BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN**

**NO. PROJEK :
JASTRE / BTR / T005 / 2018**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

Bengkel 3PSA persiapkan jabatan ke arah penilaian MSD



PARA peserta Bengkel Penilaian Sendiri (Self-Assessment Workshop) bagi Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang semasa bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sendiri (Self-Assessment Sabtu, 7 April. – Jabatan Workshop) bagi Program Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang.

Usaha pencarian mangsa hilang diteruskan

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

TUTONG, Ahad, 8 April. - Usaha masih diteruskan untuk mencari seorang lelaki, warga emas tempatan, berusia 72 tahun yang dipercayai hilang di kebun apabila dilaporkan tidak kembali ke rumah setelah pergi ke kebun beliau pada jam lebih kurang 4.00 petang hingga 9.00 malam pada Sabtu lalu.

Balai Bomba Lamunin dan Unit Skuad Khas bersama 13 anggota bergegas ke Kampung Menengah, Lamunin dan menemui anak mangsa untuk mengetahui keadaan sebenar setelah menerima panggilan kecemasan pada 9.30 malam.

Pencarian dijalankan di sekitar kawasan kebun yang berjarak 20 meter dari luar jalan raya. Anggota Unit Skuad Khas meneruskan pencarian pada jam 11.37 malam bersama agensi-agensi lain dan gagal menemukan mangsa walaupun pencarian dihentikan pada jam 2.25 pagi.

Usaha mencari dan menyelamatkan diteruskan pada sebelah pagi hari kedua, Ahad oleh sembilan anggota Balai Bomba Lamunin dan Unit Skuad Khas dibantu oleh para penduduk kampung, Unit Gurkha bersama dua ekor anjing (K9) dan anggota polis dari Reserve Unit 'C', tetapi mangsa gagal ditemui.

Berikutan dengan kejadian tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat menyarankan kepada orang ramai supaya jangan pergi berseorangan ke tempat-tempat jauh ke dalam hutan; memastikan membawa peralatan seperti lampu suluh dan telefon bimbit serta memaklumkan kepada ahli keluarga atau teman akan destinasi yang awda tuju.

Operasi Sepadu rampas barang tegahan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

KUALA LURAH, Sabtu, 7 April. - Operasi Sepadu Agensi-Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang telah dijalankan di Pos Kawalan Kuala Lurah yang terdiri daripada enam agensi penguat kuasa, iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan keramaian 52 ahli yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Menguasa Balai Polis Limau Manis, Inspektor Faisal Iswandy bin Ali Othman.

Hasil Operasi Sepadu yang dijalankan pada Jumaat malam, 6 April tersebut telah berjaya merampas barang-barang tegahan dan membuat penahanan, di mana PDB telah berjaya menahan satu kesalahan kompaun dikeluarkan, iaitu memasang cermin gelap.

Manakala Kes Kastam (barang tidak diikrarkan) berjaya merampas 19 paket rokok George Karelias & Sons yang melibatkan tiga warga Malaysia ditahan, satu botol Glen Fiddich Single Mat Scotch Whisky dan menahan seorang warga Malaysia.

Sementara bagi Kes Biro Kawalan Narkotik pula seorang warga Malaysia telah ditahan di bawah Seksyen 6b Penggal 27 yang dipercayai memakan dadah.

PDB dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang ditugaskan di Pos Kawalan Kuala Lurah akan sentiasa berusaha bagi mempergiatkan lagi operasi dan memantapkan setiap pengawalan di tempat berkenaan dari semasa ke semasa.

Saranan kepada pihak-pihak pengguna yang menggunakan laluan Pos Kawalan Kuala Lurah untuk sentiasa memberikan kerjasama dan akan mematuhi setiap undang-undang yang telah diperuntukkan ke atas agensi-agensi penguatkuasaan demi menjaga keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Bengkel selama lima hari tersebut telah bermula pada 2 April 2017 hingga 7 April 2018 di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) yang melibatkan lapan buah jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai.

Antara tujuan bengkel adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai konsep dan kaedah pelaksanaan 3PSA dan seterusnya membolehkan mereka

melaksanakan Self-Assessment 3PSA di jabatan masing-masing sejurus selepas berakhirnya bengkel. Melalui penemuan Self-Assessment ini nanti, jabatan-jabatan terlibat dapat melaksanakan penambahbaikan dan mempersiapkan jabatan masing-masing untuk penilaian formal oleh MSD.

Bengkel tersebut melibatkan beberapa aktiviti seperti taklimat mengenai konsep 3PSA dan empat skop penilaiannya serta aktiviti berkumpulan yang mengandungi tatacara menggunakan Senarai Semak 3PSA, penyediaan laporan dan borang-borang 3PSA yang lain.

3PSA merupakan salah satu sistem penilaian yang dihasratkan akan dapat memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada kementerian dan jabatan kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan

kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Selain itu, 3PSA juga akan menilai dan mengukur prestasi jabatan kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang. Skop 3PSA melibatkan empat pengurusan teras / utama, iaitu strategi dan pelaksanaan; dasar dan pelaksanaan; sumber manusia; dan pemedulian pelanggan.

Dengan adanya 3PSA akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam dan membantu dalam memberkesankan lagi usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang telah / sedang / akan dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam.

Operasi Bersih dapati enam kesalahan di Pasar Gerai Pantai Jerudong

Siaran Akhbar : Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasa dan Unit Gerai telah mengadakan operasi bersepadu bersama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang terdiri dari Pasukan Polis Diraja Brunei cawangan Sengkurong; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; Jabatan Buruh; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Kesihatan dari Bahagian Kawalan Tembakau; Bahagian Kualiti Makanan, Bahagian Alam Sekitar Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasa Farmasi serta Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Operasi bersepadu yang dinamakan Operasi Bersih 2018 Kali Ke-1 adalah bertujuan bagi melaksanakan akta, peraturan dan undang-undang ke atas setiap agensi penguatkuasa yang terlibat ke atas peniaga-peniaga di Pasar Gerai Pantai Jerudong dan kawasan sekitarnya.

Hasil operasi tersebut telah mendapati beberapa kesalahan. Bahagian Penguatkuasa Jabatan Buruh telah mendapati dua orang lelaki warganegara Indonesia yang berjawatan nelayan dari Syarikat Sapanjang Zaman dan Pemandu dari Syarikat My Ice Enterprise telah berjaja di dalam bangku ikan. Kes tersebut dipercayai kesalahan penempatan

dan jawatan yang mana perkara ini boleh mendorong majikan melakukan kesalahan di bawah Bab 112 (1) Perintah Pekerjaan 2009, dan jika sabit kesalahan boleh diambil tindakan undang-undang kesalahan di bawah Bab 112 (3) Perintah yang sama iaitu didenda tidak kurang BND6,000 dan tidak lebih BND10,000 atau penjara tidak kurang daripada enam bulan dan tidak lebih dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala, tiga lelaki warganegara Indonesia bernama Izhaz Syamsuddin Kele pemegang pasport B1399044, Samian pemegang pasport B7590294 dan Slamet Ryadi telah ditangkap kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah di bawah Peruntukan Bab 55 (4) (a) (b) (c) Akta Imigresen Cap 17. Ketiga-tiga warga Indonesia ini telah dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Imigresen untuk sisatan lanjut.

Empat premis telah didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 5 (1) (a) Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007 iaitu menjual produk yang dilarang berupa kosmetik yang tidak dinotifikasi. Kesemua produk-produk berkenaan telah dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi dari rak jualan dengan serta-merta dan diarahkan untuk tidak mempamerkan dan menjual

produk tersebut kepada orang ramai. Pemilik premis telah dinasihatkan agar memastikan produk-produk kosmetik yang dijual telahpun dinotifikasi terlebih dahulu kepada Unit Kosmetik, Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Empat buah kafe (restoran) juga telah didapati tidak memohon sijil dan permit halal. Pemilik-pemilik Cafe berkenaan telah dikeluarkan surat arahan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah untuk memohon sijil dan permit halal.


Seorang penjaja ikan juga dikenakan kompaun sebanyak BND300 di bawah Bab 14 (2) Perintah Tembakau 2005 kerana merokok di tempat-tempat yang ditegah.

Sebuah kedai runcit Aprina Supermarket Sdn. Bhd. juga dijatuhkan denda kompaun sebanyak BND500 oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan Jabatan Daerah Brunei dan Muara kerana telah melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (f) (ii) iaitu melonggokkan dan membuang sampah di tanah lapang. Syarikat tersebut diberikan tempoh tujuh hari untuk menjelaskan denda tersebut.

Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan kepada orang ramai terutama penjaja-penjaja gerai, pasar dan pemilik-pemilik kedai runcit supaya akan dapat mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan ke atas mana-mana agensi penguat kuasa di negara ini.

Berusaha meningkatkan sektor pelancongan negara

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan



INDUSTRI pelancongan merupakan salah satu sektor yang memainkan peranan penting bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara termasuklah Negara Brunei Darussalam. Meskipun industri pelancongan di negara ini tidak begitu ketara sebagaimana negara-negara lain, namun sumbangan yang dihulurkan kepada negara tidak dinafikan memberi sumbangan kepada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bulan lepas tidak ketinggalan membincangkan isu-isu berkaitan dengan sektor pelancongan di negara yang terkenal dengan hutan hujan tropika ini.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apang ketika memberikan mukadimahya telah menghuraikan mengenai dengan asas dan perancangan utama dalam penyediaan belanjawan Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya termasuklah sektor pelancongan.

Yang Berhormat menjelaskan selaras dengan misi KSSUP iaitu : "Menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada KDNK dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi, serta memfokus kepada pasaran eksport" KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menumpukan kepada beberapa usaha antaranya untuk meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan

pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK.

Sementara itu, Pelan Strategik 2016-2020 KSSUP menganggarkan pendapatan pelancongan negara ini mencecah BND335 juta menjelang 2020 sebagaimana yang tertera dalam Rajah 01.

Pelancong udara meningkat

Tahun lalu menunjukkan peningkatan yang ketara bagi ketibaan pelancong ke negara ini terutamanya pelancong melalui udara.

Menurut Yang Berhormat, kedatangan pelancong pada tahun lalu melalui udara dicatatkan meningkat sebanyak 18 peratus, berbanding 10 peratus unjuran asal, iaitu sekitar 258,955 orang (pelancong) berbanding 220,000 orang (pelancong) pada tahun 2015 dan tahun 2016. Peningkatan tersebut adalah disebabkan beberapa perkara termasuklah:

- Pengenalan dan penambahbaikan beberapa produk-produk pelancongan;
- Pengenalan *visa on arrival* kepada rakyat dari Republik Rakyat China dan Taiwan; dan
- Pengenalan perkhidmatan baharu melalui penerbangan RB (Royal Brunei) dan Lucky Air bagi membawa pelancong-pelancong dari Republik Rakyat China dan Republik Korea Selatan.

Namun, satu faktor utama yang juga menarik kedatangan pelancong pada tahun lepas ialah kegemilangan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



SASARAN pendapatan pelancongan (2016 - 2020) (atas, kiri). Sementara gambar atas, faktor utama yang juga menarik kedatangan pelancong pada tahun lepas ialah kegemilangan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada 5 Oktober 2017.

Darussalam Menaiki Takhta pada 5 Oktober 2017.

Cabaran dan langkah pembaikan

Seperti juga sektor-sektor perindustrian lainnya, sektor pelancongan tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran antaranya :

- Produk-produk pelancongan yang kurang menarik;
- Kualiti perkhidmatan dan tahap hospitaliti pelancongan yang kurang memuaskan;
- Ketinggian nilai ringgit Negara Brunei Darussalam berbanding nilai mata wang negara-negara jiran;
- Persaingan dengan negara-negara jiran yang telah lama memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pelancongan seperti Indonesia (Bali), Thailand (Phuket), Malaysia dan Singapura dan lain-lain; dan
- Penduduk dan residen tempatan yang sudah sekian lama terbiasa dengan perancangan pelancongan keluar negara setiap musim percutian panjang.

Oleh itu, beberapa langkah pembaikan dikenal pasti bagi meningkatkan mutu sektor pelancongan di negara ini iaitu:

- Menguatkan produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Temburong, Kampong Ayer dan Bandar Seri Begawan, dan memperkenalkan pakej tiga malam atau lebih,

dengan program yang menarik dan pelbagai, dan menambah lebih banyak tempat penginapan berkualiti di Temburong;

- Bekerjasama dengan stakeholders seperti ejen pelancongan dan pusat-pusat latihan bagi memastikan kualiti perkhidmatan adalah cemerlang dan konsisten;

- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta memperkukuhkan akta dan perundangan, peningkatan piawaian dan keselamatan, program pengiktirafan dan pensijilan, skim pengelasan premis penginapan dan lain-lain; dan

- Menggubal strategi pelancongan bagi menangani pelbagai senario dan persaingan pelancongan, dan memberi tumpuan produk-

produk unik bagi Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi Pengukuhan Produk-Produk Pelancongan diharap akan dimanfaatkan sebaik-baiknya demi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini dan sekali gus menjadikan sektor pelancongan satu sektor yang dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Adalah juga diharapkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong ke negara ini akan kekal berterusan dan berdaya tahan dan seterusnya menjadikan sektor pelancongan di negara ini menjadi pilihan generasi muda sebagai sumber pendapatan.



KETIBAAN pelancong ke negara ini melalui udara pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan yang ketara.



PENGENALAN *visa on arrival* kepada rakyat dari Republik Rakyat China dan Taiwan juga antara faktor yang menyumbang pada peningkatan pelancong ke negara ini pada tahun lalu.

Berbasikal, berlari meriahkan Bandarku Ceria



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah semasa melancarkan pelepasan acara kayuhan basikal sejauh 11 kilometer (kiri). Sementara gambar kanan, antara peserta yang menyertai acara larian sejauh 3km mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dengan kerjasama Heroes Event Management mengadakan acara kayuhan basikal dan larian sempena Bandarku Ceria di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan mengambil bahagian dalam acara kayuhan basikal ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian

Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah.

Acara dimulakan dengan senaman memanaskan badan, diikuti dengan pelepasan acara kayuhan basikal sejauh 11 kilometer yang dilancarkan oleh tetamu kehormat.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee melepaskan peserta acara larian sejauh 3km mengelilingi Bandar Seri

Begawan.

Kedua-dua acara bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Seramai 150 peserta mendaftar bagi menyertai acara kayuhan basikal, manakala seramai 1,500 peserta mendaftar bagi acara larian yang terdiri daripada guru-guru, pelajar-pelajar dan orang awam.

Tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah terdiri daripada para peserta yang hadir.

Sementara itu, sebanyak 20 petak gerai jualan juga disediakan semasa acara

berkenaan yang disertai unit-unit di JSS serta beberapa buah sekolah rendah dan menengah bagi menentengahkan barang-barang jualan hasil kerja para pelajar sekolah yang terlibat.

Acara tersebut diadakan bertujuan untuk menghidupkan lagi Program Bandarku Ceria, di samping mengamalkan gaya hidup sihat dan beriadah dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan.

Ia juga bertujuan untuk menyokong Bandarku Ceria yang mula diperkenalkan pada bulan Oktober 2016,

dihassrat untuk kesejahteraan setiap individu, keluarga, masyarakat dan negara yang menjurus ke arah kualiti kehidupan yang tinggi selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir pada acara itu ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Marina Chek binti Bujang, ketua-ketua jabatan dan unit di Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin sekolah serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

Sekolah Menengah Katok rebut tempat ketiga Kategori 'B'



PERLAWANAN di antara Sekolah Menengah Menglait (jersey biru) dan Sekolah Menengah Katok (jersey merah).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MASIN, Sabtu, 7 April. - Sekolah Menengah Katok menang selepas setelah menewaskan Sekolah Menengah Menglait 6 - 1 pada perlawanan merebut tempat ketiga bagi Kategori 'B' dalam Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kluster 1 Tahun 2018.

Pada perlawanan yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Masin itu, gol tunggal Sekolah Menengah Menglait dijaringkan oleh Muhammad

Danish bin Awang Rahim pada minit ke-21.

Selang dua minit kemudian, Muhammad Hazmi bin Kamsul menyumbat satu gol bagi Sekolah Menengah Katok pada minit ke-23 perlawanan dan kedudukan seri satu sama sehingga wisel separuh masa pertama berbunyi.

Pada separuh masa kedua, terus menyaksikan ketangkasan pemain Sekolah Menengah Katok dengan gol kedua dijaringkan oleh

Mohammad Zainul Alimin bin Mahdinee pada minit ke-32.

Sementara itu, pemain jersey 13, Md. Syaheerul Affendy bin Md. Syahmirul Nizam menghadihkan hatrik bagi pasukannya dan gol keenam Sekolah Menengah Katok dijaringkan pada masa kecederaan melalui Muhammad Hazim Danish bin Jossrie.

Hadir menyampaikan medal-medal ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Katok, Dayang Hajah Siti binti Haji Pungut.

Perlawanan Akhir bagi Kategori 'B' di antara Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) dengan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong pula akan diadakan pada 9 April ini.

Sementara itu, perlawanan dalam Kategori 'C' bagi merebut tempat ketiga antara Sekolah Menengah Menglait dengan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah akan diadakan pada 10 April, manakala perlawanan akhir pula akan berlangsung pada 11 April antara Sekolah Menengah Katok dan Maktab SOAS.

Kejohanan merupakan salah satu kegiatan projek tahunan bagi Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Jasmani dengan objektif utama penganjurannya adalah bagi memberikan galakan dan dorongan kepada atlet remaja di sekolah-sekolah dan maktab-maktab supaya bergiat aktif dalam kegiatan sukan serta melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental.

PANTAS Paintball Championship 2018 bermula 29 April

Berita : Ihsan Persatuan Paintball
Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 April. - 'PANTAS Paintball Championship 2018' akan diadakan pada Ahad, 29 April yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Super Hero 1 vs 1 dan Double Trouble 2 vs 2.

Perkara ini dijelaskan dalam Sidang Akhbar yang diadakan oleh Persatuan Paintball Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PANTAS) pada Jumaat, 6 April yang lalu di The Z Café, Kampung Rimba.

Kejohanan yang terbahagi kepada dua kategori itu dibukakan penyertaannya kepada semua pemain paintball di Negara Brunei Darussalam dan penyertaannya adalah terhad, iaitu Super Hero 1 vs 1 terhad kepada 20 penyertaan sahaja secara individu / perseorangan. Manakala Double Trouble 2 vs 2 terhad kepada 16 buah pasukan penyertaan sahaja dua pemain dari setiap pasukan.

Kedua-dua kategori kejohanan yang bakal dipertandingkan juga mempunyai tujuannya tersendiri, yang mana bagi Kategori Super Hero 1 vs 1 bertujuan untuk menguji tahap skil individu, keyakinan, kepantasan, ketepatan dalam menanda pihak lawan dan kecekapan bergerak secara solo.

Bagi Kategori Double Trouble 2 vs 2, ia bertujuan untuk menguji tahap skil berkomunikasi, merancang taktik, strategi dan pergerakan secara berpasangan.

Selain itu PANTAS Paintball Championship 2018 juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi di antara semua pemain paintball dan bagi memperkembangkan sukan paintball di negara ini.

Manakala format perlawanan bagi Kategori Super Hero 1 vs 1 adalah 'Double Elimination capture the centre flag' dan Kategori Double Trouble 2 vs 2 adalah '5 minutes game time, mercy limits 2 points lead'.

Bayaran penyertaan masuk bagi Kategori Super Hero 1 vs 1 adalah BND50 setiap peserta dan Double Trouble 2 vs 2 adalah BND95 setiap pasukan.

Penyertaan pemain-pemain dari pasukan-pasukan paintball dalam kejohanan ini adalah sangat diharapkan dan dialu-alukan untuk sama-sama menyokong kejohanan sukan paintball tempatan, dan memajukan lagi sukan ini di Negara Brunei Darussalam.

Sukan

INFO SUKAN

INDERA SC merangkul juara Piala FA Brunei DST 2017 apabila menewaskan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) 2 - 0 pada perlawanan akhir liga berkenaan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas.



ePaper Pelita Brunei

11 kategori bertanding dalam Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar semasa bergambar ramai bersama para pemenang pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24 (kiri). Manakala gambar kanan, antara aksi perlumbaan pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, bertempat di Kompleks Sukan Air Serasa.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SERASA, Ahad, 8 April. - Sebanyak 11 kategori bertanding dalam Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24, bertempat di Kompleks Sukan Air Serasa.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan hadiah, Yang Di-Pertua Adat Istiadat

Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Sebanyak 23 buah pasukan terdiri dari kementerian-kementerian, syarikat-syarikat swasta, kampung-kampung dan

Pasukan Peguam-Peguam & Undang-Undang Negara Brunei Darussalam berentap pada kejohanan tersebut.

Kategori yang dipertandingkan pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan Ke-24 ialah 25 Pekayuh Terbuka Tempatan, 10 Pekayuh Jemputan Swasta, 20 Pekayuh Antara Kementerian, 15 Pekayuh Campuran Terbuka Tempatan, 20 Pekayuh Terbuka Tempatan, 15 Pekayuh Jemputan Swasta, 15

Pekayuh Antara Kementerian, 15 Pekayuh Pasukan Peguam-Peguam & Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, 20 Pekayuh Terbuka Tempatan, 10 Pekayuh Campuran Terbuka Tempatan dan 30 Pekayuh Maraton Terbuka Tempatan.

Bagi Kategori 1 dimenangi oleh perahu Seri Utama bagi pasukan Waktu 'A', Kategori 2 dimenangi oleh perahu Layang-Layang bagi pasukan TelBru Regata Team, Kategori 3 dimenangi oleh

Jabatan Perdana Menteri, Kategori 4 dimenangi oleh pasukan Lela Cheteria 'A', Kategori 5 dimenangi oleh pasukan Waktu 'A', Kategori 6 dimenangi oleh pasukan TelBru Regata Club, Kategori 7 dimenangi oleh MS ABDB, Kategori 8 dimenangi oleh pasukan AGC, Kategori 9 dimenangi oleh pasukan Waktu 'A', Kategori 10 dimenangi oleh pasukan Lela Cheteria 'A', Kategori 11 dimenangi oleh pasukan Waktu 'A'.

SR Perpindahan Kampung Bukit Beruang II juara futsal Kluster 5

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Sabtu, 7 April. - Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II menjuarai Kejohanan Futsal Sekolah-Sekolah Rendah Kluster 5 setelah menumpaskan Sekolah Rendah Keriam 3 - 0 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Dengan kekalahan tersebut, Sekolah Rendah Keriam terpaksa akur untuk menduduki tempat kedua, sementara Sekolah Rendah Bukit Udal berada tempat ketiga setelah menewaskan tuan rumah Binturan dengan keputusan 2 - 1

pada perlawanan yang telah berlangsung terdahulu.

Manakala, pemain terbaik pada kejohanan tersebut ialah pemain dari Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II, Md. Akmal bin Abu Bakar.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan pengadil perlawanan disempurnakan oleh Pegawai Pelajaran merangkap Pegawai Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Pitar bin Pangkat selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong,

guru-guru besar sekolah yang terlibat dan juga guru-guru pengawas pasukan futsal sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan berkenaan.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk menjalinkan silaturahim dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluruhan budi serta membina jasmani dan rohani yang sihat serta mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.

Selain itu, kejohanan ini juga dijalankan bagi memilih wakil pasukan futsal Kluster 5 untuk bertanding pada Kejohanan Futsal Sukan Sekolah-Sekolah Rendah Senegara yang akan dijalankan pada penghujung tahun ini.



PEGAWAI Pelajaran merangkap Pegawai Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Pitar bin Pangkat semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pasukan juara, Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

YAKIN DAN BERANI CEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

دريبتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.